

GARIS PANDUAN



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

JABATAN BENDAHARI

GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA

UPSI (ISO)/BEN/P03/GP02

DISEDIAKAN
OLEH

:

DILULUSKAN
OLEH

NAMA

: NOOR HAFIZAH BT ABD GANI

NAMA

: HJ MOHAMAD NAJIB BIN HJ.
MOHAMED

JAWATAN

: PENOLONG BENDAHARI KANAN

JAWATAN

: BENDAHARI

TARIKH

: 8 APRIL 2021

TARIKH

: 8 APRIL 2021

KELUARAN : A

PINDAAN : 01

TARIKH : 8 APRIL 2021



**GARIS PANDUAN MENGENAI
PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK
DIBENARKAN MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI
DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN
AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA**

Muka surat : 2/20

**Tarikh :
8 APRIL 2021**

UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02

Pindaan : 01

Keluaran : A

BIL	KANDUNGAN	MUKASURAT
1	Tujuan	2
2	Latar Belakang	2
3	Perbelanjaan Akaun Amanah Universiti	3
	3.1 Akaun Amanah Bertujuan Khas Yang Universiti Mempunyai Kepentingan Keatasnya	3
	3.2 Perbelanjaan Yang Dibenarkan	5
	3.3 Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan	17
4	Pembahagian Keuntungan Bagi Akaun Amanah Yang Telah Tamat Aktivitinya	18
5	Penutup	20

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 3/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

1.0 TUJUAN

1.1 Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenar dan tidak dibenarkan menggunakan peruntukan Akaun Amanah Universiti dan pembahagian keuntungan akaun amanah yang telah tamat aktivitinya.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Secara amnya, menurut Perkara 2.1 (b) Garis Panduan Pengurusan Akaun Amanah Universiti mengenai objektif penubuhan Akaun Amanah adalah bagi membolehkan setiap program/aktiviti yang dijalankan mempunyai kewangan sendiri (*self-financing*) dan tidak bergantung kepada peruntukan mengurus UPSI.
- 2.2 Pada masa kini, perbelanjaan-perbelanjaan yang menggunakan peruntukan Akaun Amanah Universiti adalah tertakluk kepada: -
1. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dinyatakan dalam Perkara 5, Surat Arahan Akaun Amanah Subsidiari Universiti (S.A.A) yang diisi semasa permohonan membuka Akaun Amanah.
 2. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersilan UPSI yang berkuatkuasa.
 3. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan berdasarkan Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI dan peraturan-peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA</p>	<p>Muka surat : 4/20</p>
	<p>UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02</p>	<p>Tarikh : 8 APRIL 2021</p>
		<p>Pindaan : 01</p>
		<p>Keluaran : A</p>

- 2.3 PTj perlu mencari dana/peruntukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan seperti yang dinyatakan pada perkara 2.2 di atas dan memastikan Akaun Amanah tidak terlebih belanja atau berbaki negatif.
- 2.4 Setelah dilaksanakan peraturan ini, banyak pertanyaan telah dikemukakan oleh PTj berkenaan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenar dan tidak dibenarkan menggunakan peruntukan Akaun Amanah Universiti serta tiada panduan yang jelas bagi PTj mengguna pakai wang lebihan sesuatu Akaun Amanah setelah tamat /tercapai objektifnya.
- 2.5 Sehubungan itu Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Induk Kali ke-4, Bil.2/2011 pada 19 Disember 2011 bersetuju agar satu garis panduan disediakan berkenaan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenar dan tidak dibenarkan menggunakan peruntukan Akaun Amanah Universiti. Ianya bertujuan untuk menggalakkan PTj berusaha mencari dana/peruntukan sendiri dan memberi autonomi kepada pihak PTj untuk membelanjakan dana/peruntukan tersebut.

3.0 PERBELANJAAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI

3.1 AKAUN AMANAH BERTUJUAN KHAS YANG UNIVERSITI MEMPUNYAI KEPENTINGAN KE ATAS AKAUN AMANAH TERSEBUT

- 3.1.1 Bagi Akaun-akaun Amanah Bertujuan Khas yang mana Universiti mempunyai kepentingan ke atas akaun amanah tersebut, penggunaan berkaitan akaun amanah tersebut perlu dirujuk kepada Universiti untuk pertimbangan dan kelulusan terlebih dahulu.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله العجمي</p> <p>SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 5/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- 3.1.2 Akaun-akaun Amanah Bertujuan Khas yang mana Universiti mempunyai kepentingan ke atas akaun amanah tersebut diwujudkan adalah untuk penjanaan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan kepada bajet mengurus sekaligus meningkatkan autonomi kewangan UPSI.
- 3.1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.9/2019 bertarikh 19 Julai 2019 telah bersetuju meluluskan pengurusan akaun-akaun amanah yang mempunyai kepentingan kepada Universiti distrukturkan dan dikawal selia oleh Jabatan Bendahari Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan menamakan Penolong Bendahari Unit Kumpulan Wang dan Pinjaman sebagai Bendahari dan salah seorang pemegang amanah bagi akaun-akaun amanah tersebut.
- 3.1.4 Senarai akaun-akaun amanah khas bagi aktiviti utama Universiti yang mana Universiti mempunyai kepentingan ke atasnya adalah seperti berikut :-

Kod Projek	Nama Akaun Amanah
04-AP-62-B1-00-002	Akaun Amanah Kebajikan Pelajar
04-AP-62-B1-00-001	Akaun Amanah Pengurusan Hal Ehwal Pelajar
10-AP-62-B1-00-001	Akaun Amanah MPP UPSI
10-AP-62-B1-00-002	Akaun Amanah Alumni
09-AF-65-B1-00-029	Akaun Amanah Institut Pengajian Siswazah
12-AF-65-B1-00-017	Akaun Amanah Program Francais
10-AF-64-B1-00-001	Akaun Amanah Ko-kurikulum Pelajar



**GARIS PANDUAN MENGENAI
PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK
DIBENARKAN MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI
DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN
AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA**

Muka surat : 6/20

**Tarikh :
8 APRIL 2021**

UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02

Pindaan : 01

Keluaran : A

Kod Projek	Nama Akaun Amanah
11-AF-65-B1-00-017	Akaun Amanah Program Pesisir
06-AF-65-B1-00-007	Akaun Amanah Tabung Perkhidmatan Internet "Wireless"
13-AF-65-B1-00-014	Akaun Amanah LAD (Liquidated Ascertained Damages)
10-AF-65-B1-00-018	Akaun Amanah Sukan Pelajar
10-AF-65-B1-00-020	Akaun Amanah Penginapan Pelajar Antarabangsa
13-AF-65-B1-00-001	Akaun Amanah Pelajar Antarabangsa
13-AF-65-B1-00-013	Akaun Amanah Suaikenal Pelajar Antarabangsa
04-AF-65-B1-00-051	Akaun Amanah Pusat Kesihatan
	Akaun Amanah Endowmen

3.2 PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

PTj dibenarkan menggunakan peruntukan Akaun Amanah bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan program/aktiviti Akaun Amanah tersebut termasuk perbelanjaan-perbelanjaan lain yang melibatkan kakitangan PTj, bekalan dan bahan-bahan untuk pengajaran pembelajaran serta pembangunan dan pengurusan pelajar. Berikut digarisaskan senarai perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan Akaun Amanah Universiti; iaitu mengikut sepuluh (10) jenis Akaun Amanah Universiti yang telah ditubuhkan di UPSI:-

3.2.1 Akaun Amanah Penyelidikan

3.2.1.1 Perbelanjaan Pengurusan penyelidikan seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Penyelidikan UPSI iaitu:-

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله YUSOF RIBI EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 7/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- i. Gaji dan upah (pembantu penyelidik siswazah dan bukan siswazah, pembantu lapangan dan Skim Pelajar Bekerja).
- ii. Perjalanan dan sara hidup (perjalanan, hotel/lojing, elaun makan /harian dan pelbagai).
- iii. Bekalan dan bahan-bahan lain (alat tulis, percetakan, bahan penyelidikan, perisian, utiliti dan lain-lain).
- iv. Perkhidmatan ikhtisas (penyediaan makanan, honorarium, perkhidmatan percetakan, sewaan dan lain-lain)
- v. Harta modal (aset/inventori berkaitan penyelidikan). Harta modal perlu diserah dan akan menjadi hak milik pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) selepas tamat penyelidikan tersebut.
- vi. Perbelanjaan adalah tertakluk kepada syarat/perbelanjaan yang telah dipersetujui oleh penyumbang endowmen sekiranya akaun penyelidikan tersebut adalah daripada dana Endowmen yang mendapat sumbangan/penajaan dari agensi kerajaan lain/swasta.
- vii. Pembangunan kepakaran penyelidik (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penyelidik untuk menyiapkan penyelidikan tersebut).

3.2.2 Akaun Amanah Pelajar

3.2.2.1 Terdapat 2 kategori aktiviti iaitu: -

- i. **Aktiviti Bukan Penjanaan** yang mana pendapatan adalah daripada sumbangan/tajaan pihak luar. Contoh: Program CSR, Program sumbangan dari agensi Kerajaan.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS سُلطان اِدْرِیس UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 8/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

ii. **Aktiviti Penjanaan** yang mana pendapatan adalah daripada kutipan yuran, jualan dan lain-lain. Contoh: Persidangan/kursus/seminar/pertandingan, Hari Terbuka dan lain-lain.

3.2.2.2 Bagi menampung kos pentadbiran, utiliti dan operasi, Universiti mengenakan caj 10% daripada jumlah pendapatan Akaun Amanah Pelajar hasil daripada aktiviti yang menjana pendapatan sahaja seperti: -

- i. Penawaran program-program akademik dan penganjuran seminar serta kursus, pertandingan, hari terbuka.
- ii. Perkhidmatan kepakaran atau perundingan.
- iii. Pengewangan aset yang menghasilkan pendapatan secara lestari
- iv. Penyediaan perkhidmatan yang menjana pendapatan kepada PTJ.

(Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Induk UPSI Kali Ke-19, Bil. 1/2019 bertarikh 28 Jun 2019/ Mesy. JKPU Bil.8/2020 bertarikh 22 Julai 2020)

3.2.2.3 Perbelanjaan yang berkaitan aktiviti-aktiviti pelajar iaitu:-

- i. Bekalan dan bahan-bahan untuk program pelajar (alat tulis, percetakan, penerbitan, bahan penyelidikan, perisian, utiliti dan lain-lain).
- ii. Kos perjalanan aktiviti pelajar (perjalanan, lojing dan pelbagai).
- iii. Perkhidmatan ikhtisas (Khidmat penceramah, gaji dan upah seperti Skim Pelajar Bekerja dan lain-lain upahan berkaitan program pelajar).

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA</p> <p>UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02</p>	<p>Muka surat : 9/20</p> <p>Tarikh : 8 APRIL 2021</p> <p>Pindaan : 01</p> <p>Keluaran : A</p>
---	--	---

- iv. Harta modal (aset/inventori berkaitan aktiviti pelajar) tertakluk kepada kelulusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) atau Fakulti. Harta Modal tersebut perlu diserahkan dan menjadi hak milik pihak JHEPA atau PTj selepas tamat program.
- v. Perbelanjaan adalah tertakluk kepada syarat/perbelanjaan yang telah dipersetujui oleh penyumbang endowmen sekiranya Akaun Amanah Endowmen mendapat sumbangan/penajaan dari agensi Kerajaan lain/swasta.
- vi. Baju korporat/baju T berkaitan program boleh dibuat sekiranya dinyatakan oleh pihak pemberi sumbangan/penaja. Bagi aktiviti-aktiviti lain yang pendapatannya diusahakan sendiri oleh para pelajar, perolehan baju korporat/baju T dibenarkan sekiranya terdapat lebihan peruntukan yang mencukupi bagi pembelian tersebut.
- vii. Pembangunan sahsiah pelajar (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar) tertakluk kepada kelulusan JHEPA atau PTj.
- viii. Perbelanjaan keraian (jamuan makan) dibenarkan bagi menghargai pihak yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut sekiranya terdapat lebihan pendapatan setelah akaun amanah mencapai objektifnya. Kadar jamuan mestilah mengikut siling yang telah ditetapkan oleh Universiti.

3.2.2.4 Kos-kos yang berkaitan kebijakan pelajar iaitu sumbangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan, pendahuluan/pinjaman

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 10/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

kepada pelajar, bayaran perkhidmatan bas kitaran pelajar, bayaran berkaitan majlis-majlis kebajikan pelajar dan perbelanjaan-perbelanjaan lain berkaitan kebajikan pelajar.

3.2.2.5 Kos-kos yang berkaitan pembangunan sahsiah pelajar iaitu bayaran-bayaran yang berkaitan aktiviti meningkatkan sahsiah, kemahiran dan pengetahuan pelajar tertakluk kepada kelulusan JHEPA atau PTj.

3.2.3 Akaun Amanah Fakulti/PTj

3.2.3.1 Terdapat 2 kategori aktiviti iaitu: -

- i. **Aktiviti Bukan Penjanaan** yang mana pendapatan adalah daripada sumbangan/tajaan pihak luar. Contoh: Program CSR, Program sumbangan dari agensi Kerajaan.
- ii. **Aktiviti Penjanaan** yang mana pendapatan adalah daripada kutipan yuran, jualan dan lain-lain. Contoh: Persidangan/kursus/seminar/pertandingan, Hari Terbuka dan lain-lain.

3.2.3.2 Bagi menampung kos pentadbiran, utiliti dan operasi, Universiti mengenakan caj 10% daripada jumlah pendapatan Akaun Amanah Fakulti/PTj hasil daripada aktiviti yang menjana pendapatan sahaja seperti :-

- i. Penawaran program-program akademik dan penganjuran seminar serta kursus, pertandingan, hari terbuka.
- ii. Perkhidmatan kepakaran atau perundingan.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله العجمي</p> <p>SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA</p> <p>UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02</p>	<p>Muka surat : 11/20</p> <p>Tarikh : 8 APRIL 2021</p> <p>Pindaan : 01</p> <p>Keluaran : A</p>
---	--	--

iii. Pengewangan aset yang menghasilkan pendapatan secara lestari

iv. Penyediaan perkhidmatan yang menjana pendapatan kepada PTj

(Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Induk UPSI Kali Ke-19, Bil. 1/2019 bertarikh 28 Jun 2019/ Mesy. JKPU Bil.8/2020 bertarikh 22 Julai 2020)

3.2.3.3 Perbelanjaan operasi berkenaan program yang dianjurkan meliputi:-

i. **Bekalan dan Bahan-bahan Lain**

Pembelian bekalan dan bahan-bahan lain seperti alat tulis, percetakan, penerbitan dan bahan-bahan lain untuk pengajaran dan pembelajaran yang memberi impak secara langsung kepada PTj.

ii. **Penyeliaan**

Bayaran-bayaran berkaitan penyeliaan yang dibenarkan oleh pihak Universiti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memberi impak secara langsung kepada pelajar.

iii. **Pengajaran**

Bayaran-bayaran berkaitan pengajaran yang dibenarkan oleh Universiti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memberi impak secara langsung kepada pelajar.

iv. **Gaji, Upah dan lain-lain berkaitan gaji/upah**

Bayaran-bayaran berkaitan gaji, upah dan lain-lain (kerja lebih masa dan elaun-elaun lain) kakitangan sambilan dan Skim



**GARIS PANDUAN MENGENAI
PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK
DIBENARKAN MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI
DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN
AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA**

Muka surat : 12/20

**Tarikh :
8 APRIL 2021**

UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02

Pindaan : 01

Keluaran : A

Pelajar Bekerja yang tidak menggunakan peruntukan mengurus Universiti.

v. Perjalanan dan Sara Hidup

Bayaran-bayaran berkaitan perjalanan, hotel/lojing, elaun makan /harian dan lain-lain.

vi. Perkhidmatan Ikhtisas

Bayaran-bayaran berkaitan penyediaan makanan, perkhidmatan pensyarah sambilan, perkhidmatan percetakan, honorarium dan lain-lain.

vii. Baju Korporat/ Baju T

Baju korporat/baju T berkaitan program boleh dibuat sekiranya dinyatakan oleh pihak pemberi sumbangan/penaja. Bagi aktiviti-aktiviti lain yang pendapatannya diusahakan sendiri oleh Fakulti/PTj, perolehan baju korporat/baju T dibenarkan sekiranya terdapat lebihan peruntukan yang mencukupi bagi pembelian tersebut.

3.2.3.4 Akaun Amanah Fakulti/PTj yang mana objektif bagi sesuatu aktiviti/program penjanaan telah dicapai dan selesai serta semua perbelanjaan telah habis dibayar, lebihan pendapatan boleh digunakan untuk perbelanjaan berikut :-

i. Pembangunan Sumber Manusia dan Kepakaran Kakitangan seperti:-

a. Latihan/Kursus/Aktiviti

Bayaran-bayaran yang berkaitan latihan/kursus/aktiviti bagi

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة السلطان عبد الله SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 13/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

meningkatkan kemahiran insaniah dan pengetahuan kakitangan.

b. Seminar/Persidangan/Kolokium

Bayaran-bayaran berkaitan kos menghadiri seminar/persidangan/ kolokium sama ada sebagai pembentang kertas kerja atau peserta yang memberi faedah secara langsung kepada kakitangan.

c. Kebajikan Pelajar/Kakitangan

Bayaran-bayaran yang berkaitan dengan kebajikan kakitangan seperti sumbangan kepada pelajar/kakitangan yang ditimpa musibah, pemberian insentif dan perbelanjaan-perbelanjaan lain berkaitan kebajikan pelajar/kakitangan.

3.2.4 Akaun Amanah Endowmen

3.2.4.1 Perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengan tujuan endowmen yang telah ditetapkan oleh penyumbang endowmen seperti:-

- i. Gaji dan upah (Elaun penyandang kursi, pembantu penyelidik, pembantu lapangan dan Skim Pelajar Bekerja).
- ii. Perjalanan dan Sara Hidup (perjalanan, hotel/lojing, elauan makan /harian dan pelbagai).
- iii. Bekalan dan Bahan-bahan Lain (alat tulis, percetakan, bahan penyelidikan, utiliti dan lain-lain).

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان ابراهيم SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 14/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- iv. Perkhidmatan Ikhtisas (pengurusan seminar, penyediaan makanan, sewaan, perkhidmatan percetakan, honorarium dan lain-lain).
- v. Harta Modal (aset/inventori berkaitan Akaun Amanah endowmen). Harta Modal tersebut menjadi hak milik PTj yang berkenaan.
- vi. Perbelanjaan adalah tertakluk kepada syarat/perbelanjaan yang telah dipersetujui oleh penyumbang endowmen sekiranya Akaun Amanah Endowmen mendapat sumbangan/penajaan dari agensi kerajaan lain/swasta.
- vii. Pembangunan sumber manusia dan kepakaran kakitangan (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan).

3.2.5 Akaun Amanah Asrama

3.2.5.1 Perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan operasi dan pembangunan asrama pelajar seperti :-

- i. Gaji dan upah bagi Skim Pelajar Bekerja atau jawatan-jawatan sambilan lain
- ii. Perjalanan dan sara hidup (perjalanan, hotel/lojing, elauan makan /harian dan pelbagai).
- iii. Bekalan dan bahan-bahan lain (alat tulis, percetakan, utiliti, bekalan am kolej dan lain-lain).
- iv. Perkhidmatan ikhtisas (penyelenggaraan, pembersihan, keselamatan, penyediaan makanan, perkhidmatan percetakan, sewaan, honorarium dan lain-lain).

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS سُلطان إدريس جامعة التّعليم</p> <p>SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 15/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- v. Harta modal (aset/inventori berkaitan Akaun Amanah Asrama). Harta Modal tersebut menjadi hak milik kolej kediaman yang berkenaan.
- vi. Bayaran-bayaran yang berkaitan aktiviti meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar tertakluk kepada kelulusan pengurusan kolej kediaman dan JHEPA.
- vii. Pembangunan sumber manusia dan kepakaran kakitangan (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan).

3.2.6 Akaun Amanah Perundingan

3.2.6.1 Bagi menampung kos pentadbiran, utiliti dan operasi, Universiti mengenakan caj 10% daripada jumlah pendapatan setiap Akaun Amanah Perundingan yang memperolehi pendapatan daripada operasinya.

3.2.6.2 Perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan aktiviti perundingan universiti seperti:-

- i. Gaji dan upah (pembantu penyelidik, pembantu lapangan dan Skim Pelajar Bekerja).
- ii. Perjalanan dan sara hidup (perjalanan, hotel/lojing, elauan makan /harian dan pelbagai).
- iii. Bekalan dan bahan-bahan lain (alat tulis, percetakan, bahan perundingan, utiliti dan lain-lain).
- iv. Perkhidmatan ikhtisas (bayaran perundingan kepada individu, pengurusan perundingan, penyediaan makanan, sewaan, perkhidmatan percetakan, honorarium dan lain-lain).

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله العجمي</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 16/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- v. Harta modal (aset/inventori berkaitan perundingan). Harta modal tersebut menjadi hak milik pihak PPPI yang berkenaan.
- vi. Perbelanjaan adalah tertakluk kepada syarat/perbelanjaan yang telah dipersetujui oleh pemberi sumbangan/penaja sekiranya Akaun Amanah mendapat sumbangan/penajaan dari agensi kerajaan lain/swasta.
- vii. Pembangunan kepakaran perunding (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan perunding untuk menyiapkan perundingan tersebut).
- viii. Bayaran-bayaran lain berkaitan perundingan tertakluk kepada perjanjian dengan agensi terbabit.

3.2.7 Akaun Amanah Pinjaman Staf

Perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan urusan pinjaman Universiti seperti jumlah pinjaman yang diluluskan kepada kakitangan, bayaran kepada pihak takaful yang melindungi pinjaman dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

3.2.8 Akaun Amanah Pengkomersilan

3.2.8.1 Perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan pengkomersilan produk-produk Universiti seperti:-

- i. Gaji dan upah (pembantu penyelidik siswazah dan bukan siswazah, pembantu lapangan dan Skim Pelajar Bekerja).
- ii. Perjalanan dan sara hidup (perjalanan, hotel/lojing, elauan makan /harian dan pelbagai).
- iii. Bekalan dan bahan-bahan lain (alat tulis, percetakan, bahan pengkomersilan dan lain-lain).

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة السلطان عبد الله SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 17/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- iv. Perkhidmatan ikhtisas (penyediaan makanan, bayaran profesional, royalti, honorarium dan lain-lain)
- v. Bayaran operasi (kos pemasaran, kos perlindungan harta intelek seperti paten, hakcipta, prototaip dan lain-lain)
- vi. Harta modal (aset/inventori berkaitan penyelidikan). Harta modal tersebut menjadi hak milik PPPI.
- vii. Pembangunan kepakaran pengkomersilan (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi tujuan pengkomersilan).

3.2.8.2 Bagi Akaun Amanah Pengkomersilan yang berpunca daripada hasil penyelidikan, pembahagian royalti adalah seperti berikut :-

- 20% (UPSI 10% dan RMIC 10%)
- 80% (Penyelidik)

(Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.3/2010 pada 3 September 2010)

3.2.8.3 Bagi Akaun Amanah Pengkomersilan yang berpunca bukan daripada penyelidikan, pembahagian agihan keuntungan daripada pendapatan tersebut adalah seperti berikut:-

- Universiti sebanyak 20%
- Fakulti/PTj sebanyak 80%. Jumlah keuntungan 80% tersebut boleh digunakan untuk perbelanjaan berikut :-

- i. Pembangunan Sumber Manusia dan Kepakaran Kakitangan seperti:-
 - a. Latihan/Kursus/Aktiviti
Bayaran-bayaran yang berkaitan latihan/kursus/aktiviti bagi

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله العطاء</p> <p>SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA</p>	<p>Muka surat : 18/20</p>
		<p>Tarikh : 8 APRIL 2021</p>
	<p>UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02</p>	<p>Pindaan : 01</p>
		<p>Keluaran : A</p>

meningkatkan kemahiran insaniah dan pengetahuan kakitangan.

b. Seminar/Persidangan/Kolokium

Bayaran-bayaran berkaitan kos menghadiri seminar/persidangan/ kolokium samada sebagai pembentang kertas kerja atau peserta yang memberi faedah secara langsung kepada kakitangan.

c. Kebajikan Pelajar/Kakitangan

Bayaran-bayaran yang berkaitan dengan kebajikan kakitangan seperti sumbangan kepada pelajar/kakitangan yang ditimpa musibah, pemberian insentif dan perbelanjaan-perbelanjaan lain berkaitan kebajikan pelajar/kakitangan.

ii. Harta Modal

Pembelian harta modal yang melibatkan aset dan inventori untuk pengajaran dan pembelajaran seperti komputer, komputer riba, alatan makmal, mesin pencetak dan lain-lain. Aset/Inventori tersebut akan menjadi hak milik PTj yang berkenaan.

iii. Perbelanjaan Keraian

Perbelanjaan keraian (jamuan makan) dibenarkan bagi menghargai pihak yang terlibat secara langsung dalam

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS <small>SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</small></p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Muka surat : 19/20 Tarikh : 8 APRIL 2021 Pindaan : 01 Keluaran : A
---	---	---

menjayakan program tersebut. Kadar jamuan mestilah mengikut siling yang telah ditetapkan oleh Universiti.

(Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.8/2020 pada 22 Julai 2020)

3.2.9 Akaun Amanah Khas/Lain

3.2.9.1 Perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan akaun amanah khas Universiti yang telah diperakukan oleh pemegang-pemegang amanah.

3.2.9.2 Perbelanjaan adalah tertakluk kepada syarat/perbelanjaan yang telah dipersetujui oleh pemberi sumbangan/penaja sekiranya Akaun Amanah mendapat sumbangan/penajaan dari agensi kerajaan lain/swasta.

3.2.10 Akaun Amanah Wakaf

3.2.10.1 Perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan tujuan akaun wakaf diwujudkan.

3.3 PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dibenarkan menggunakan Akaun Amanah Universiti seperti: -

- i. Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dibenarkan seperti dinyatakan oleh Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Bendahari dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله العطاء</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 20/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

- ii. Perbelanjaan perjalanan yang menggunakan kenderaan sendiri oleh peserta di mana kenderaan telah pun disediakan oleh pihak Universiti.
- iii. Perbelanjaan penginapan dan makanan yang dituntut sedangkan penganjur telah menyediakan perkhidmatan tersebut.
- iv. Pembayaran bagi penyediaan jamuan mesyuarat yang melebihi kadar siling yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- v. Penganjuran Hari Keluarga atau jamuan makan besar-besaran PTJ.
- vi. Perolehan peralatan dan bahan lain yang memberi manfaat kepada kakitangan/pelajar yang tertentu sahaja tanpa justifikasi yang munasabah.
- vii. Pembayaran yuran pengajian Pembantu Penyelidik berkaitan sesuatu Akaun Amanah.
- viii. Perbelanjaan yang menjurus kepada kepentingan peribadi seperti penempahan blazer, baju batik, baju korporat, kad nama, smartphone, pemberian hadiah/cenderamata dan lain-lain.
- ix. Pemberian amal/derma berbentuk peribadi kepada pihak dalam/luar.
- x. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan melalui panjar wang runcit berdasarkan Memo Bendahari UPSI/BEN/AKS/633/JLD2(7) bertarikh 26 September 2008.
Rujuk **Lampiran A**.

4.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA

- 4.1 Berikut adalah pembahagian keuntungan di antara Universiti dan PTJ bagi Akaun Amanah yang telah tamat aktivitinya atau yang telah mencapai objektif penubuhannya: -
- Universiti - 50%
 - PTJ - 50%

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA</p> <p>UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02</p>	<p>Muka surat : 21/20</p> <p>Tarikh : 8 APRIL 2021</p> <p>Pindaan : 01</p> <p>Keluaran : A</p>
--	--	--

4.2 Keuntungan PTj akan dimasukkan ke Akaun Amanah Induk PTj dan penggunaan Akaun Amanah ini adalah tertakluk kepada perbelanjaan berikut :-

i. Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia dan kepakaran kakitangan (kos-kos bagi aktiviti yang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan untuk perkembangan dan kemajuan PTj).

ii. Pembangunan dan pengurusan pelajar/kakitangan seperti:-

1) Latihan/Kursus/Aktiviti

Bayaran-bayaran yang berkaitan latihan/kursus/aktiviti bagi meningkatkan kemahiran insaniah dan pengetahuan pelajar/kakitangan.

2) Seminar/Persidangan/Kolokium

Bayaran-bayaran berkaitan kos menghadiri seminar/persidangan/ kolokium samada sebagai pembentang kertas kerja atau peserta yang memberi faedah secara langsung kepada pelajar/kakitangan.

3) Kebajikan Pelajar/Kakitangan

Bayaran-bayaran yang berkaitan dengan kebajikan pelajar/kakitangan sepanjang pengajian di UPSI seperti sumbangan kepada pelajar/kakitangan yang ditimpa musibah dan perbelanjaan-perbelanjaan lain berkaitan kebajikan pelajar/kakitangan.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS جامعة سلطان عبد الله العجمي</p>	GARIS PANDUAN MENGENAI PERBELANJAAN YANG DIBENAR DAN TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH UNIVERSITI DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN AKAUN AMANAH YANG TELAH TAMAT AKTIVITINYA	Muka surat : 22/20 Tarikh : 8 APRIL 2021
	UPSI(ISO)/BEN/P03/GP02	Pindaan : 01 Keluaran : A

iii. Harta Modal

Pembelian harta modal yang melibatkan aset dan inventori untuk pengajaran dan pembelajaran seperti komputer, komputer riba, alatan makmal, mesin pencetak dan lain-lain. Aset/Inventori tersebut akan menjadi hak milik PTj yang berkenaan. Sekiranya pihak PTj menjana pendapatan/keuntungan yang besar daripada Akaun Amanah, PTj boleh dibenarkan untuk menggunakan dana tersebut bagi pembinaan /penyewaan bangunan untuk kegunaan PTj tertakluk kepada kebenaran pihak Universiti.

iv. Perbelanjaan Keraian

Perbelanjaan keraian (jamuan makan) dibenarkan bagi menghargai pihak yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut sekiranya terdapat lebihan pendapatan setelah akaun amanah mencapai objektifnya. Kadar jamuan mestilah mengikut siling yang telah ditetapkan oleh Universiti.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Garis Panduan Mengenai Perbelanjaan-Perbelanjaan Yang Dibenar Dan Tidak Dibenarkan Menggunakan Peruntukan Akaun Amanah Universiti ini hendaklah dibaca bersekali dengan semua Peraturan Kewangan Dan Perakaunan UPSI dan peraturan-peraturan kewangan lain sedia ada yang sedang berkuatkuasa.



M E M O
Pejabat Bendahari

6329/6333/4587213 No. 4596271



Kepada : Seperti di Lampiran
 Daripada : Bendahari
 Ruj. Kami : UPSI/BEN/AKS/633/5462 (7)
 Tarikh : 26 SEPTEMBER 2008
 26 RAMADHAN 1429

Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan Melalui Panjar Wang Runcit

Saya dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, audit mengenai Panjar Wang Runcit (PWR) telah pun dilaksanakan oleh pihak Unit Audit Dalam dan mendapat masih banyak kelemahan-kelemahan yang perlu diambil perhatian. Salah satu daripadanya adalah perbelanjaan yang tidak dibenarkan masih berlaku di Pusat Tanggungjawab (PTJ).

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan senarai perbelanjaan yang tidak diluluskan melalui PWR sebagai panduan pihak Tuan/Puan

Sekian, terima kasih.

Khadijah Hamdan

(KHADIJAH BINTI HAMDAN)

s.k.

Y. Bhg. Dato' Naib Canselor

PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN
MELALUI PANJAR WANG RUNCIT
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. Pembelian bekalan am pejabat seperti yang telah disenaraikan di dalam Kontrak Derpusat Universiti. (Rujuk Pekelling-pikelling Bendahari berkaitan yang berkuatkuasa)
2. Bayaran-bayaran yang berkaitan dengan tuntutan perjalanan dengan menggunakan kenderaan sendiri. Contoh: tol, bayaran meletak kereta dan pembelian minyak.
3. Bayaran penginapan di hotel atau rumah lumbungan (Perlu dituntut sendiri oleh pegawai menggunakan Borang Tuntutan Perjalanan).
4. Pembelian kad prabayar telefon bimbit, tanpa butiran panggilan yang diperakuan oleh Ketua Jabatan.
5. Pembelian hadiah/cenderamata. (Hadiah/cenderamata perlu diperolehi daripada Unit Perhubungan Awam).
6. Pemberian amal/derma yang berbenak peribadi kepada pihak dalam/luar secara tunai atau pembelian barang seperti bunga dan makanan. Tuntutan perjalanan untuk tujuan ini juga tidak dibenarkan, termasuk minyak dan tol.
7. Pembelanjaan alatan latih yang telah melebihi had peruntukan yang ditetapkan bagi acara rasmi Universiti seperti Sambutan Hari Patriotik, Hari Guru dan sebagainya.
8. Pembelanjaan perjalanan menggunakan kenderaan jabatan oleh peserta di mana kenderaan telah pun disediakan oleh pihak Universiti, kecuali pihak uruselia.
9. Pembayaran semua jenis saman.
10. Pembayaran bagi penyediaan jemuan makanan mesyuarat yang melebihi kadar had siring yang telah ditetapkan oleh Universiti.
11. Pembelian barang peribadi atau yang dilarang seperti rokok dan minuman keras.

Nota:

- i. Tuntutan perjalanan dengan menggunakan kenderaan universiti perlu menyatakan dengan lengkap butiran di dalam IMS seperti:
 - Bayaran tol, petrol, tempat meletak kereta
 - Nombor pendaftaran kenderaan universiti
 - Tarikh dan tempat (destinas)
 - Tujuan perjalanan
- ii. Nyatakan tujuan pembelian/perolehan di dalam IMS.
Contoh: Pembelian gula-gula untuk tujuan